

Beri negara saksama ke

UM 3 0 NOV .

Daripada G. MANIMARAN

ROM 29 Nov. — Tun Dr. Mahathir Mohamad menggesa negara-negara maju yang kononnya memperjuangkan hak asasi manusia, tampil membentuk demokrasi global yang dapat menyediakan negara-negara miskin peluang saksama dalam setiap aspek kepentingan dunia.

Dengan merujuk kepada penguasaan negara-negara maju dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), tegas beliau, aspek terpenting dalam soal demokrasi ialah setiap negara miskin diberi lebih banyak kuasa mengundi, setaraf dengan negara-negara kaya.

Sambil mengulangi keperluan mengenakan cukai korporat global ke atas negara-negara maju, beliau berkata, kedudukan ekonomi kebanyakan negara miskin pastinya akan bertambah baik jika terdapat demokrasi antarabangsa yang tulen.

“Dunia kini mempropagandakan demokrasi sebagai satu-satunya sistem pentadbiran paling sesuai bagi setiap negara tetapi tiada siapa yang menekankan keperluan demokrasi global yang semua negara mempunyai hak yang sama rata,” katanya ketika berucap pada majlis Syarahan Peringatan McDougall di Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) di sini hari ini.

Dr. Mahathir menyampaikan ucapan sulungnya pada Syarahan Peringatan McDougall sesi khas yang diadakan sempena majlis pembukaan Sidang Dua Tahun Sekali, Kali Ke-32 FAO. Beliau merupakan pemimpin ke-23 diundang berucap pada persidangan itu.

Malah bekas Perdana Menteri itu berkata, dunia terpaksa berhadapan dengan situasi*orang awam dibunuh manakala negara pula dimusnahkan atas nama mahu mendemokrasi se-

adil, kata Dr. Mahathir sambil menekankan, beliau telah membangkitkan cadangan itu di Hainan, China ketika berucap di hadapan ahli-ahli perniagaan tetapi kemudian senyap tanpa tindakan susulan.

Kata beliau, salah satu cara bagi menambah peruntukan kepada unit-unit di bawah PBB ialah menerusi pendekatan mengenakan cukai korporat global.

“Saya tidak tahu apakah kedudukan